

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
(BATU PAHAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.05.2016**

**Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kebaikan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 8% dengan 11% yang lama dan nyatakan usaha untuk menggalakkan para pekerja supaya menerima caruman 8% yang baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan penurunan caruman kadar berkanun syer pekerja sebanyak 3 peratus mulai pada 1 Mac 2016 sehingga 31 Disember 2017. Langkah menurunkan kadar caruman pekerja adalah bertujuan untuk:

- i. Mengurangkan beban kewangan pekerja dengan meningkatkan pendapatan boleh guna (*take home pay*) untuk pekerja; dan
- ii. Mengalakkan penggunaan (*consumption*) dan perbelanjaan (*spending*) dalam negara bagi memulihkan keadaan ekonomi dan mengekang kesan inflasi.

Seksyen 43 (3) Akta KWSP 1991 membolehkan majikan atau pekerja atau kedua-duanya memilih untuk mencarum melebihi daripada kadar berkanun yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Dipertua dan Ahli Yang Berhormat, kadar 8 peratus adalah merupakan kadar caruman berkanun pekerja (kadar wajib). Sehubungan itu, tiada keperluan ke atas KWSP untuk mengadakan langkah selanjutnya untuk menggalakkan pekerja menerima kadar baru ini.